

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]

**TARIKH :** 26.03.2014

**SOALAN :**

**Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab Kementerian menghendaki semua sekolah menggantung gambar Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri, Perdana Menteri, Menteri Besar di negeri yang ditadbir oleh BN dan Menteri Pendidikan di setiap bilik darjah dan bukannya di bilik guru dan dewan sekolah sahaja. Kenapakah gambar Menteri Besar/Ketua Menteri di negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat dilarang untuk digantung gambar di sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Urusan pendidikan khususnya bagi institusi di bawah Akta Pendidikan 1996 adalah tertakluk kepada arahan Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, sesuatu tindakan berkaitan keputusan dasar perlu merujuk kepada Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, semua ketetapan dasar akan berpandukan kepada dokumen-dokumen rasmi seperti surat pekeliling, surat siaran dan garis panduan yang diperlu dipatuhi termasuklah menggantungkan gambar pemerintah dan pemimpin di sekolah.